



KAMARUDIN (depan, sembilan dari kanan) bergambar bersama dekan, pengarah dan ketua JFPIB UMS sambil mengibarkan Jalur Gemilang dan bendera Sabah.

Sembang Santai Teh Tarik medan ramah mesra Naib Canselor UMS

UB 3.8.2018 B7

KOTA KINABALU: Program Sembang Santai Teh Tarik Bersama Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin menjadi medan ramah mesra dan perkongsian idea secara santai dalam kalangan pegawai kanan UMS pada Rabu.

Dianjurkan oleh Pejabat Canselori UMS, program itu dihadiri 40 kakitangan universiti yang terdiri daripada dekan, pengarah dan ketua jabatan, fakulti, pusat, institut dan bahagian (JFPIB) UMS.

Pada majlis itu, Kamarudin menyeru agar semua ketua jabatan terus memperkasakan JFPIB masing-masing dalam memastikan UMS terus melangkah maju mencapai hala tuju sesuai dengan misi universiti yang telah digariskan.

“Marilah kita terus bekerja dalam satu pasukan dan sentiasa mengamalkan budaya kerja yang baik seiring dengan agenda pendidikan negara.

“Saya sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan

atau pendapat yang boleh menyumbang kepada kemajuan universiti ini,” katanya di Galeri Majlis, Bangunan Canselori.

Kamarudin turut berpesan agar setiap JFPIB bersedia dengan perancangan masing-masing bagi menyemarakkan lagi sambutan Jubli Perak UMS pada tahun 2019.

“Marilah kita tampil bersama-sama meraikan sambutan ulang tahun yang ke-25 universiti ini dengan pengisian yang menarik dan bermanfaat,” katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Jalur Gemilang dan bendera Sabah kepada semua wakil JFPIB yang hadir.

Penyerahan bendera itu yang diinisiatifkan Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS merupakan simbolik terhadap sambutan Bulan Kebangsaan peringkat universiti berkenaan.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor merangkap Pengarah PPSKK Prof Dr Marcus Jopony dan Ketua Pejabat Canselori Stella @ Nurul Martini Gontol.



KAMARUDIN dalam majlis santai berkenaan.



SEKITAR ramah mesra Sembang Santai Teh Tarik Naib Canselor UMS.

